



KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN TAMAN WARISAN FRIM DAN PELANCARAN SIJIL PENDAFTARAN ANAK POKOK

5 NOVEMBER 2019

---

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), YB Dr. Xavier Jayakumar telah merasmikan Taman Warisan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta melancarkan Sijil Pendaftaran Anak Pokok pagi tadi.

Turut hadir, YB Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, Timbalan Menteri KATS, YBhg. Datuk Zurinah Pawanteh, Ketua Setiausaha KATS, YBrs. Dr. Mohd Mokhtar Tahar, Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli), YBhg. Dato' Wan Mazlan Wan Mahmood, Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan serta YBhg. Datuk Dr. Abd Latif Mohmod, Ketua Pengarah FRIM.

Taman Warisan seluas 1.76 hektar ini dibangunkan mulai Januari 2017. Pelbagai spesies tumbuh-tumbuhan endemik yang hanya terdapat di Negeri Selangor turut ditanam di kawasan ini. Antara pokok-pokok yang ditanam ini mempunyai nama yang sinonim dengan nama tempat di Selangor seperti pokok Meranti Kepong, Sentul, Kundang, Sepang dan Petaling.

Dalam ucapannya, Dr. Xavier amat menghargai usaha FRIM untuk memulihara kawasan Taman Warisan berhampiran pintu masuk FRIM ini agar boleh dimanfaatkan untuk kepentingan alam sekitar dan masyarakat setempat.

Ketua Pengarah FRIM pula berharap agar inisiatif FRIM ini akan memberi pendedahan kepada masyarakat setempat, khususnya generasi muda untuk

mengenali nama-nama tumbuhan yang sinonim dengan nama tempat, khususnya yang sinonim dengan nama tempat tinggal kita sendiri.

Kemudahan yang disediakan seperti gazebo, pavilion, *amphitheatre* dan juga *parcourse*, menjadikan taman ini sebagai kawasan rekreasi alternatif kepada kampus utama FRIM selain mempertingkatkan kualiti persekitaran dan imej FRIM.

Dr. Xavier juga melancarkan Sijil Pendaftaran Anak Pokok yang dihasilkan melalui sistem inventori aset hidup tumbuhan FRIM yang mengandungi butiran seperti surat beranak anak pokok untuk rujukan pelanggan. Sistem tersebut membolehkan perolehan bahan tanaman yang sah terutamanya melibatkan spesies-spesies yang dilindungi undang-undang untuk tujuan perladangan.

Pelanggan akan menerima sijil yang mengandungi maklumat seperti asal usul, umur, spesies anak-anak pokok. Sijil tersebut juga merupakan pengesahan atau jaminan kepada umum bahawa anak-anak pokok yang diperolehi bukan hanya daripada sumber yang sah, tetapi juga berkualiti serta lestari.

KP FRIM telah menyampaikan Sijil Pendaftaran Anak Pokok pertama kepada Dr. Xavier selepas upacara penanaman anak pokok Merbau. Pada majlis yang sama, Dr. Xavier turut melancarkan buku Taman Warisan FRIM yang mendokumenkan usaha FRIM membangunkan taman tersebut.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan lanjut, hubungi **Toh An Nee** (012 2506897/[annee@frim.gov.my](mailto:annee@frim.gov.my)) atau **Lim Chung Lu** (017 4797687/[limchunglu@frim.gov.my](mailto:limchunglu@frim.gov.my))